

Dr M perlu henti polemik

BEKAS Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad diminta tidak memanjangkan polemik yang dimulakannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Harapan itu disuarakan wakil Umno Sabah, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan sebagai pencadang usul ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung Umno.

"Kita tidak akan lupa jasa dan budi Tun Dr Mahathir," katanya yang juga Ketua Umno Bahagian Tawau.

Walaupun mesejnya itu ringkas, ia diperkukuhkan apabila beliau menyuarakan keyakinan bahawa Umno sebagai bahtera besar dan menara asas bangsa utuh, tidak mudah digoncang mana-mana pihak dari luar parti.

Beliau cuba menangkis kebimbangan itu apabila melaungkan sokongan penuh terhadap Abdullah yang akan tetap menjadi pegangan utama ahli Umno.

"Teruskan istiqamah dengan kesabaran dan keikhlasan, teruskan dengan cara kepemimpinan bertunjangkan al-Quran, sunnah dan mengutamakan musyawarah untuk kebaikan rakyat dan negara.

"Presiden kita nampak saja lembut tetapi dia tegas, Macam kopi 'O' kehalusan serbuk hitamnya bila dimasukkan dalam air mendidih akan berubah air menjadi hitam, bukan macam lobak yang nampak hebat tetapi layu bila dimasukkan dalam air mendidih, seolah-olah tidak tahan hadapi cabaran," katanya.